

10 negara sertai kejuaraan silat

B. Harian (M)

21 NOV 1990

SEPULUH negara akan menyertai Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara mulai 1 Disember ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, memberitahu sidang akhbar semalam bahawa negara-negara itu ialah Austria, Belanda, Belgium, Brunei Darussalam, Jerman, Indonesia, Thailand, Singapura, Australia dan Malaysia.

Kejohanan seminggu itu akan disertai oleh 121 peserta yang akan bertanding dalam tiga kategori iaitu seni tari silat, seni tangan kosong tanpa senjata dan seni dengan senjata. — Bernama.

Silat tetap dipertandingkan: Hamzah

Oleh ROSLAN ALI 22 NOV 1990

ACARA silat olahraga bagi Sukan SEA tahun depan di Filipina akan tetap diadakan berikutan persetujuan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk mengi- si ketiga syarat tuan rumah.

Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah mengesahkan perkara itu selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dan Presiden Persatuan Silat Asia Tenggara (Pesilat), N Nalapraya di Shah Alam semalam.

"Acara silat ini mesti diadakan di Sukan SEA kerana ia mempunyai peminat ramai di Asia Tenggara," katanya.

Tiga syarat ditetapkan oleh Filipina ialah Pesilat harus membantu Filipina menubuhkan sebuah persatuan silat kebangsaan, semua tambang peserta ditanggung oleh Pesilat dan Pesilat menyediakan semua perkara berkaitan dengan teknikal pertandingan.

Presiden Pesaka, Tan Sri Muhammad pula mengalu-alukan ketegasan MOM untuk mengadakan acara sukan itu.

"Acara silat harus dimasukkan dalam sukan SEA kerana ia adalah sukan wari-

B. Harian (M)

san budaya Melayu," katanya.

Tan Sri Muhammad yang juga Menteri Besar Selangor berkata silat olahraga wajar dikembangkan ke seluruh Nusantara dan menjadi salah satu acara di peringkat antarabangsa.

"Jika tidak, ia adalah satu tamparan hebat kepada mereka yang berketurunan Melayu.

"Sebagai Presiden Pesaka, saya bertanggungjawab menentukan silat olahraga dijadikan acara dalam sukan SEA. Saya juga sanggup ke Manila bersama ahli MOM dan Pesilat bagi membantu penubuhan badan kebangsaan itu," katanya.

Tan Sri Muhammad berkata silat olahraga harus dinaikkan tarafnya ke peringkat Olimpik kerana negara di Asia, Asia Barat dan Eropah mempunyai pesilat yang mahir serta peminat yang ramai.

"Ini terbukti sewaktu Malaysia menganjurkan Kejohanan Silat Dunia," katanya.

Nalapraya pula berpendapat tiga syarat ditetapkan oleh Filipina akan dipenuhi dengan mudah.



■ TAN SRI MUHAMMAD

Silat Alhak

■ PERGURUAN Alhak kini membuka peluang kepada belia dan kanak-kanak yang ingin mendalami seni dan olahraga silat.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan keterangan lanjut dengan menghubungi Encik Azlan atau Haji Rahim, ☎

774-3532

27 NOV 1990